

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN EKONOMI MULA LAKSANA PROGRAM MALAYSIA SDG SUMMIT 2023, ISKANDAR MALAYSIA JADI HOS SIRI PERTAMA

10 Ogos – Kementerian Ekonomi telah mula melaksanakan program ‘Sidang Kemuncak Matlamat Pembangunan Mampan (Malaysia SDG Summit) 2023-2024 di peringkat wilayah dan nasional dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran dan mengalakkan penglibatan pelbagai pihak dalam memacu 17 Matlamat Pembangunan Mampan, atau Sustainable Development Goals (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

“Baru-baru ini, kerajaan telah menubuhkan Pusat SDG Negara dalam usaha memperkasa dan mempergiat program serta memantau kemajuan SDG di Malaysia. Adalah wajar usaha pembangunan mampan ini terus dilaksanakan di semua peringkat untuk memastikan semua lapisan masyarakat faham dan dapat bersama-sama mencapai matlamat yang ditetapkan,” menurut YB Rafizi bin Ramli, Menteri Ekonomi.

Siri pertama program ini telah diadakan pada 9 hingga 10 Ogos 2023 bagi wilayah Selatan meliputi Johor, Melaka dan Negeri Sembilan bertempat di Iskandar Puteri, Johor. Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia (IRDA) selaku hos telah melaksanakan 2 acara dijalankan secara serentak iaitu ‘Malaysia SDG Summit: Southern Region Expo 2023’ dan ‘Malaysia SDG Summit: Iskandar Malaysia Sustainability Summit (IMSS) 2023’.

YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor berkata, “Kerajaan Negeri Johor amat berbangga menjadi lokasi pertama penganjuran Malaysia SDG Summit 2023-2024 dan mengucapkan terima kasih atas penghormatan dan kepercayaan yang diberikan oleh Kementerian Ekonomi untuk memilih negeri Johor. Saya yakin inisiatif ini akan terus mengukuhkan nama Johor sebagai sebuah negeri yang maju dan mampan dan mengalakkan lagi usaha pembangunan mampan oleh kerajaan negeri, rakan perniagaan dan juga komuniti.”

Seramai kira-kira 1,000 orang ramai dianggarkan telah hadir ke acara ‘Malaysia SDG Summit: Southern Region Expo 2023’ yang telah diadakan dari di Sunway Big Box, Sunway City Iskandar Puteri, Johor. Sepanjang 2 hari itu, pelbagai aktiviti menarik berkaitan matlamat pembangunan mampan seperti pameran, aktiviti seni dan kraf, bual bicara dan demonstrasi, persembahan budaya dan muzik akustik, pertandingan dan permainan, aktiviti gaya hidup sihat dan aktiviti penjagaan alam sekitar telah berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga jam 10.00 malam.

Malaysia SDG Summit: Iskandar Malaysia Sustainability Summit (IMSS) 2023 pula merupakan persidangan khas yang telah diadakan selama 2 hari, telah mengumpul lebih daripada 400 peserta profesional dan pakar dari dalam dan luar negara. Sebanyak 17 sesi ucaptama dan

panel telah membincangkan isu-isu penting seperti tadbir urus, kewangan, tenaga dan komuniti mampan.

Pada masa yang sama, pihak IRDA turut memperkenalkan Pelan Pembangunan Komprehensif ketiganya atau Comprehensive Development Plan (CDP) iii yang disaksikan oleh YB Lin Ting Han, Penggerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor, dan YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Ekonomi, Malaysia, semasa Majlis Penutup Malaysia SDG Summit: Southern Region Expo 2023.

Menurut YB Dato' Dr. Badrul Hisham bin Kassim, Ketua Eksekutif, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), "CDPiii meneruskan visi Iskandar Malaysia sebagai "Sebuah Metropolis Kukuh dan Mampan Bertaraf Antarabangsa" sebagai panduan dan hala tuju pembangunan Iskandar Malaysia dari tahun 2022 sehingga 2030. Bersandarkan pengukuhan daya tahan dan pengagihankekayaan secara saksama sebagai teras utama penggubalan dasar, Iskandar Malaysia berupaya muncul sebagai sebuah koridor yang maju, makmur dan sejahtera."

Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) merupakan satu rangka ke arah mencapai pembangunan mampan untuk semua dan merangkumi lima dimensi iaitu 'Manusia', 'Kemakmuran', 'Bumi', 'Keamanan' dan 'Kerjasama. Antara 17 matlamat yang digariskan di bawah agenda ini adalah Matlamat 1 iaitu Tiada Kemiskinan, Matlamat 4 iaitu Pendidikan Berkualiti, Matlamat 8 iaitu Kerja Wajar dan Pertumbuhan Ekonomi, Matlamat 11 iaitu Bandar dan Komuniti Mampan, Matlamat 13 iaitu Tindakan Iklim dan Matlamat 17 iaitu Kerjasama Demi Matlamat.

Malaysia SDG Summit 2023-2024 ini akan diteruskan di negeri Sarawak dan Sabah serta di wilayah utara dan pantai timur sebelum program kemuncak di peringkat nasional yang akan diadakan pada tahun hadapan.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif kemampunan dan SDG, sila lawati laman sosial dan laman sesawang Kementerian Ekonomi dan Iskandar Malaysia.

- tamat -

Latarbelakang Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)

Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) merupakan sebuah badan berkanun Kerajaan Malaysia yang ditugaskan dengan objektif untuk mengawal selia dan memacu pemegang-pemegang taruh daripada sektor awam dan swasta dalam mencapai visi membangunkan Iskandar Malaysia menjadi sebuah metropolis bertaraf antarabangsa yang kukuh dan mampan.

Kuasa dan fungsi utama IRDA dalam mencapai objektif di atas ialah merancang, memudahcara dan mempromosi.

Hubungan Media

Norkamarulazman Nordin
Komunikasi Strategik
E: norkamarulazman@irda.com.my
M: 019 7722 041